

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
1	Pembayaran tanpa tunai (Cashless)	<p>a) Semua kutipan / hasil perlu di <i>bank-in</i> pada hari yang sama sekiranya melebihi RM1,000.00;</p> <p>b) Pihak Pekerja mencadangkan supaya pembayaran boleh dibuat menerusi mod e-pembayaran seperti kad debit, kad kredit, e-dompot dan QR Code. Manakala pembayaran secara tunai hanya dibenarkan jika pelanggan tidak mempunyai akses sedemikian. Oleh itu, adalah wajar jabatan juga perlu mengambil langkah yang sama, seiring dengan perkembangan teknologi terkini; dan</p> <p>c) JBG akan membuat kajian lanjut berhubung perkara ini memandangkan ia melibatkan caj bank bagi setiap transaksi. JBG juga akan memohon kebenaran daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi kelulusan kaedah terimaan selain FPX yang telah diberi untuk Sistem iGuaman.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya cadangan ini dilaksanakan dan isu ini tidak dibincangkan di dalam MBJ BHEUU kelak kerana ini melibatkan beberapa proses yang perlu dibuat serta akan mengambil masa yang panjang.</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
2	Tidak meletakkan gambar dalam direktori di Portal Jabatan	<p>a) Pegawai dan kakitangan boleh terdedah kepada risiko atau ancaman seperti gangguan atau intipan cyber (<i>cyber stalking</i>) dan dikhuatiri juga penggunaan gambar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi sesuatu tujuan yang mungkin akan mendatangkan bahaya dan keselamatan kepada individu berkenaan seperti penipuan wang (<i>scamming</i>). Oleh itu, tiada keperluan untuk memaparkan gambar-gambar pegawai dan kakitangan di portal Jabatan;</p> <p>b) Pihak Pekerja mencadangkan agar semakan semula dibuat sama ada terdapat keperluan untuk meletakkan gambar pegawai dan kakitangan di ruangan direktori portal Jabatan. Dicadangkan juga maklumat seperti nama, jawatan, bahagian / seksyen / unit, nombor telefon dan alamat emel sahaja dipaparkan bagi rujukan orang awam;</p> <p>Walau bagaimanapun, Mesyuarat bersetuju bahawa gambar dalam direktori masih relevan untuk diteruskan atas dasar penyampaian perkhidmatan yang berkesan.</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
3	<p>Pintu Kaca Aras G Blok Utara dalam keadaan terbuka pada waktu rehat Solat Jumaat</p>	<p>a) Terdapat aduan daripada Mdl berkenaan pintu kaca Aras G dalam keadaan terbuka pada waktu rehat Solat Jumaat. Berbeza dengan lobi lif Blok Selatan, lobi lif di Blok Utara tidak ditempatkan kaunter polis bantuan untuk kawalan keselamatan;</p> <p>b) Setiap pegawai dan kakitangan BHEUU, Mdl dan JBG seharusnya menggunakan pas keselamatan untuk melalui pintu kaca tersebut dan tidak menggunakan alasan menghadiri solat Jumaat untuk tidak membawa pas keselamatan. Ini kerana dengan membiarkan pintu dibuka mendedahkan ruang pejabat kepada akses oleh orang luar terutamanya Mdl yang mempunyai ruang pejabat di Aras 2 dan 3 blok tersebut;</p> <p>c) Pihak Pekerja memohon agar pintu tersebut sentiasa ditutup dan hanya diakses menggunakan pas keselamatan;</p> <p>d) Unit Khidmat Pengurusan, BHEUU telah melekatkan nota arahan/ peringatan agar pintu kaca Aras G Blok Utara perlu ditutup sepanjang masa (tidak terkecuali pada hari Jumaat); dan</p> <p>e) Selain itu, Polis Bantuan (PB) yang bertugas juga telah diingatkan untuk membuat pemantauan dan memastikan pintu tersebut ditutup terutamanya pada hari Jumaat yang selalunya menjadi laluan utama pegawai untuk menghadiri solat Jumaat.</p> <p>Mesyuarat bersetuju perkara ini juga menjadi tanggungjawab semua pegawai di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang untuk memastikan pintu kaca tersebut sentiasa ditutup selepas digunakan.</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
4	<p>Kerja lanjutan pemasangan kabel internet (dan kerja-kerja pemasangan lain pada masa hadapan).</p>	<p>a) Semua bahagian akan dimaklumkan apabila terdapat kerja-kerja pemasangan kabel internet dijalankan di pejabat. Langkah terbaik adalah memaklumkan keperluan penyediaan kakitangan bertugas untuk menjaga pejabat sepanjang tempoh kerja tersebut termasuk kebenaran menuntut elaun kerja lebih masa bagi yang bertugas di luar waktu bekerja;</p> <p>b) Walau bagaimanapun, terdapat beberapa situasi kerja pemasangan lanjut telah dilakukan tanpa memaklumkan bahagian-bahagian (terbaru kerja pemasangan kabel internet) di mana kontraktor telah masuk ke pejabat tanpa pengetahuan kakitangan dan pegawai di Bahagian;</p> <p>c) Sekiranya dimaklumkan awal, bahagian-bahagian pasti akan menugaskan kakitangan untuk bertugas bagi mengelakkan isu berbangkit seperti kehilangan barang, kecurian, kekotoran atau akses laci tanpa kebenaran berlaku;</p> <p>d) Pihak Pekerja mencadangkan agar setiap kerja yang akan dilakukan di dalam pejabat hendaklah dimaklumkan kepada bahagian terlibat dengan lebih awal, walaupun ianya kerja lanjutan; dan</p> <p>e) Hal ini kerana walaupun kontraktor boleh mengakses ke ruang pejabat dengan bantuan / pemerhatian polis bantuan, ia masih tidak mencukupi dan penugasan kakitangan daripada Bahagian berkenaan adalah sangat penting.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara ini dan bersetuju supaya <i>Standard of Procedure (SOP)</i> yang jelas dikeluarkan bagi kerja-kerja yang akan dijalankan di dalam pejabat.</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
5	<p>Isu keselamatan maklumat terperingkat dan kehadiran orang awam di Bangunan BHEUU (terutamanya di Seksyen Dasar & Penyelidikan) tanpa kebenaran / janji temu.</p>	<p>a) Terdapat beberapa kali orang luar naik ke Aras 4 BHEUU untuk berurusan seperti berjumpa pegawai (konsultasi) atau menghantar dokumen tanpa membuat janji temu terlebih dahulu terutamanya bagi urusan pemerbadanan pemegang amanah walaupun telah dimaklumkan beberapa kali bahawa urusan pemerbadanan pemegang amanah hanya akan dilaksanakan di Bilik Konsultasi, Aras Lobi BHEUU;</p> <p>b) Kerisauan ini timbul disebabkan terdapat pelbagai dokumen terperingkat di seksyen ini dan keselamatan pengurusan tertinggi BHEUU kerana Pejabat KP BHEUU, YBTM dan YBM adalah di bangunan ini;</p> <p>c) Pihak pekerja mencadangkan agar hanya orang awam yang mempunyai temu janji sahaja dibenarkan untuk naik ke aras yang ditetapkan. Namun, semua urusan yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah perlu diadakan di Bilik Konsultasi, Lobi BHEUU;</p> <p>d) Selain itu, Pihak pekerja turut mencadangkan agar palang keselamatan diletakkan di depan lobi BHEUU sebelum naik ke lif aras setiap seksyen;</p> <p>e) UKP BHEUU memaklumkan bahawa semua Polis Bantuan (PB) dan Pegawai Khidmat Pelanggan (UKK) telah diarahkan untuk membenarkan orang awam dengan janji temu sahaja untuk naik ke mana-mana aras yang ditetapkan berdasarkan janji temu;</p> <p>f) Selain itu, kebenaran juga akan diberi kepada kontraktor atau petugas yang telah melengkapkan borang dan diberi kebenaran melalui sistem CGSO dan berdaftar dengan pihak BHEUU; dan</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		<p>g) Manakala bagi cadangan meletakkan palang keselamatan di depan Lobi BHEUU sebelum naik ke lif adalah tidak relevan serta akan melibatkan kos yang tinggi.</p> <p>Mesyuarat bersetuju perkara ini dalam tindakan pihak pengurusan BHEUU dan semua pentadbir Seksyen juga diingatkan untuk memastikan pintu sentiasa ditutup rapat. Sekiranya terdapat pintu yang rosak, pentadbir seksyen perlu maklum segera kepada Unit Keselamatan.</p>
6	<p>Kerosakan Pintu Tandas Lelaki Aras 3 Blok Utara.</p>	<p>a) Terdapat dua (2) pintu tandas di tandas lelaki Blok Utara Aras 3 yang tidak boleh ditutup rapat dengan mudah;</p> <p>b) BHEUU memaklumkan bahawa melalui dua siri Mesyuarat Penyelarasan Bersama Mdl dan JBG bertarikh 3 Ogos 2023 dan 5 Oktober 2023 telah memaklumkan kepada wakil pegawai JBG dan Mdl agar mearwarkan kepada warga masing-masing supaya menyalurkan isu/ aduan kerosakan di bahagian masing-masing terus melalui Sistem Pengurusan Fasiliti Berpusat (SPFB) di alamat https://spfb.jkr.gov.my/.</p> <p>Semua aduan kerosakan yang dihantar melalui SPFB akan diambil tindakan segera oleh pihak Kontraktor FM Bangunan BHEUU dengan pemantauan oleh JKR; dan</p> <p>Bagi aduan kerosakan pintu tandas lelaki Aras 3 Blok Utara, aduan tersebut adalah kerosakan berulang. Walau bagaimanapun, pembaikan susulan telah dilaksanakan oleh Barisan Semarak pada 9 November 2023 manakala, kerja penggantian keseluruhan <i>frame</i> dan pintu kubikal tandas di Bangunan BHEUU akan dilaksanakan dalam kontrak terbaru tahun 2024.</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
7	Baju Batik	<p>a) JPA melalui surat bertarikh 21 Ogos 2023 telah mengeluarkan ketetapan Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Awam Persekutuan;</p> <p>b) Pihak pekerja mencadangkan agar sekiranya ada peruntukan untuk tuntutan pakaian batik (sebagaimana tuntutan kot /blazer/jubah);</p> <p>c) Pihak pekerja turut mencadangkan untuk mewujudkan satu baju batik formal bagi jabatan (seragamkan se-Malaysia) sebagaimana baju korporat jabatan;</p> <p>d) BHEUU dan Mdl memaklumkan bahawa melalui Belanjawan 2024, Ikhtiar 12: Kesejahteraan Penjawat Awam, Kerajaan bersetuju memperluas Kemudahan Bantuan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi meliputi pakaian batik Malaysia kepada penjawat awam yang layak; dan</p> <p>e) Seperti yang dibentangkan dalam belanjawan 2024, pemakaian perkara ini adalah tertakluk kepada Menghadiri Upacara Rasmi serta pelaksanaannya pada tahun 2024.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan dasar dan cadangan yang telah dinyatakan dan bersetuju untuk mewujudkan baju batik formal bagi Jabatan. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk di bawah Ketua Jabatan agensi masing-masing.</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
8	Bebanan kerja kakitangan	<p>a) Tidak dinafikan bahawa bebanan kerja penjawat awam berlaku hampir di semua agensi. Namun di Jabatan ini, beban kerja terlampau berlebihan membuatkan kakitangan terasa 'burn-out' kerana bebanan kerja hakiki di samping perlu menghadiri mesyuarat yang agak kerap dan lain-lain arahan dari semasa ke semasa seperti mengurussetiakan majlis-majlis rasmi, program Jabatan, program Kelab dan sebagainya;</p> <p>b) Pihak pekerja mencadangkan agar solusi bagi perkara ini perlu dibincangkan oleh pengurusan tertinggi;</p> <p>c) JBG memaklumkan bahawa pengisian perjawatan di JBG adalah sebanyak 93.02%. Arahan menghadiri mesyuarat serta program rasmi Jabatan adalah sebahagian daripada tugas hakiki. Bebanan kerja sehingga kakitangan perlu pulang lewat dari kerja bukanlah sesuatu yang rutin. Pegawai perlulah menyesuaikan diri dan mengimbangkan tugas hakiki dan penglibatan di dalam Kelab/ Persatuan; dan</p> <p>d) JBG turut memaklumkan bahawa keterlibatan pegawai dari semua bahagian akan ditingkatkan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
9	Meletakkan Kiosk Mesin ATM di Bangunan BHEUU	<p>a) Kiosk mesin ATM yang berdekatan dengan Bangunan BHEUU adalah terletak di Bangunan JAKIM dan mesin tersebut kerap kehabisan wang terutamanya pada tarikh penjawat awam menerima gaji bulanan; dan</p> <p>b) Pihak pekerja mencadangkan agar kiosk mesin ATM diletakkan di Bangunan BHEUU untuk kegunaan Warga BHEUU khususnya.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara ini dan bersetuju agar surat permohonan kepada semua bank disediakan.</p>
10	Pusingan kerja bagi pegawai yang berkhidmat di tempat yang sama melebihi lapan (8) tahun	<p>a) Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian UP.2.2.2, dasar pertukaran bagi pegawai yang telah berkhidmat di tempat yang sama sekurang-kurangnya 3 tahun tetapi tidak melebihi 8 tahun;</p> <p>b) Kesannya jika pegawai bertugas di tempat yang sama dan membuat tugas yang sama bagi tempoh yang lama, tiada perkembangan kerjaya dan pegawai tidak lagi dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik;</p> <p>c) Pihak pekerja mencadangkan agar pusingan kerja secara dalaman di antara JPM (tertakluk skim jawatan masing-masing), BHEUU, JBG dan Mdl atau cadangan keluar dari Bahagian/Jabatan supaya pegawai diberi peluang untuk mendapatkan suasana kerja yang baru, tugas yang berbeza dan pada masa yang sama pegawai boleh menimba ilmu dan pengalaman supaya mereka dapat mencapai penghasilan kerja yang maksimum;</p>

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		<p>BHEUU memaklumkan bahawa pusingan kerja secara bersepadu di antara JBG dan Mdl bagi Skim PPUU sedang dalam proses pelaksanaan. Namun begitu, bagi lain-lain skim, Ketua Jabatan (KJ) perlu melaksanakan pusingan kerja di peringkat dalaman seperti mana dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian UP.2.2.2; dan</p> <p>BHEUU turut memaklumkan bahawa kajian mengenai pusingan kerja sedang dilaksanakan dan dapatan kajian tersebut akan dibentangkan kepada Pihak Pengurusan dalam masa terdekat.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya tindakan susulan diambil seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Bagi skim gunasama, surat permohonan pusingan kerja bagi pegawai yang telah berkhidmat di BHEUU melebihi lapan (8) tahun dikemukakan kepada TKSU (K), JPM; dan (b) Bagi skim bukan gunasama, pusingan kerja ini akan dilaksanakan secara berperingkat mulai awal tahun 2024.
11	Sekatan bagi permohonan pertukaran keluar	<ul style="list-style-type: none"> a) Terdapat ramai kakitangan lama dan baharu yang ingin memohon keluar daripada Jabatan melibatkan pelbagai sebab seperti kesesuaian tempat kerja, masalah keluarga, faktor emosi di pejabat, pusingan kerja dan sebagainya; b) Pihak pengurusan sewajarnya tidak mengenakan sebarang syarat misalnya perlu berkhidmat di Jabatan/Bahagian tersebut untuk satu tempoh masa kerana perkara ini tidak ditetapkan oleh JPA;

**USUL BAHARU YANG TELAH DIBENTANGKAN DAN DIPUTUSKAN
SEMASA MESYUARAT MBJ BIL. 3 TAHUN 2023
BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

Bil.	Usul Pekerja	Keputusan Mesyuarat
		<p>c) Tambahan pula, permohonan pertukaran mengambil masa yang lama untuk disemak dan diproses oleh pihak JPA. Kakitangan juga masih akan tetap melakukan tugas sementara menunggu keputusan;</p> <p>d) Pihak pekerja mencadangkan agar Pengurusan Jabatan seharusnya tidak mengenakan sebarang pra-syarat untuk menandatangani permohonan pertukaran kakitangan;</p> <p>e) JBG memaklumkan bahawa permohonan pertukaran kakitangan yang baharu dan lama tiada halangan daripada pihak pengurusan JBG dengan syarat keperluan pengisian serentak. Panduan Pertukaran Pegawai Awam Ceraian UP2.2.1 yang dikeluarkan oleh JPA telah menyenaraikan dasar pertukaran yang boleh dijadikan panduan bagi melaksanakan urusan pertukaran di Jabatan Kerajaan supaya ia teratur dan seragam dan ini diikuti di JBG; dan</p> <p>f) JBG turut memaklumkan bahawa bagi penempatan pertama, sukacita diingatkan agar pegawai kerajaan mematuhi arahan penempatan pertama yang ditandatangani yang menyatakan sanggup ditempatkan dimana-mana dan berkhidmat bagi membolehkan mereka memahami persekitaran tempat kerja.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan bersetuju agar perkara ini dilaksanakan mengikut pekeliling yang berkuat kuasa serta tertakluk kepada budi bicara dan ketetapan dalaman Jabatan masing-masing.</p>